



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 20/2013 (12 Mei hingga 18 Mei 2013)

“Kematian ke-17 Denggi tahun 2013”

Satu kematian akibat Denggi melibatkan seorang ibu berusia 20 tahun yang baru melahirkan anak pada bulan Mac yang lepas. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Denggi Malaysia sehingga minggu lalu adalah sebanyak 17 kematian, berbanding 20 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012. Pesakit mula mengalami gejala demam, sakit kepala dan muntah pada 27 April 2013 dan mendapatkan rawatan di Klinik Kerajaan dua (2) hari kemudiannya. Pesakit mendapatkan rawatan kedua di Hospital Kerajaan pada 1 Mei 2013 dan telah dimasukkan ke wad sebelum dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Walaubagaimanapun, beliau meninggal dunia setelah dua (2) hari dirawat di ICU dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Hasil pemeriksaan pembiakan Aedes yang dijalankan di kawasan kediaman kes terdapat dua (2) pembiakan ditemui iaitu di dalam tayar dan bekas makanan polistrin. Notis Pembersihan telah dikeluarkan kepada pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan jawatankuasa penduduk untuk menjalankan aktiviti pembersihan dan ianya telah dilaksanakan bagi memastikan tiada lagi punca jangkitan.

Bermula dari 12 hingga 18 Mei 2013, sejumlah 503 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu meningkat sebanyak 52 kes (12%) berbanding dengan 451 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Denggi

adalah sebanyak 9,329 kes, berbanding dengan 9,607 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012. Hasil analisa KKM menunjukkan berlaku peningkatan lokaliti wabak aktif semasa di mana sejumlah 89 lokaliti wabak aktif dilaporkan di lapan (8) negeri yang melibatkan 17 daerah berbanding 64 lokaliti pada awal bulan April. Negeri Selangor, Johor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya mencatatkan bilangan lokaliti wabak yang tertinggi iaitu masing-masing 35 lokaliti, 25 lokaliti dan 24 lokaliti.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan menyeru kepada semua lapisan masyarakat termasuklah agensi kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutamanya di negeri yang mempunyai lokaliti wabak yang tinggi untuk mengambil tindakan proaktif dan melaksanakan aktiviti pencegahan Denggi dengan lebih berkesan. Hanya luangkan 10 minit seminggu, cari dan musnahkan tempat pembiakan dan tempat yang berpotensi menjadi pembiakan Aedes.

Pada 18 dan 19 Mei 2013 yang lepas, KKM telah menganjurkan Konvensyen COMBI peringkat kebangsaan bertempat di Bukit Gambang, Resort City , Kuantan , Pahang. Konvensyen ini bertujuan menyediakan landasan untuk membolehkan sukarelawan COMBI berkongsi pengalaman dalam menangani Denggi dan memberi pengiktirafan kepada pasukan-pasukan COMBI di seluruh Negara. Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pasukan COMBI dikongsi bersama sepanjang konvensyen berlangsung. Tahniah diucapkan kepada pasukan COMBI yang telah berjaya menjadi pasukan COMBI yang terbaik. **“Membanteras Denggi Adalah Tanggungjawab Semua”**.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

21 Mei 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2013
(12 Mei hingga 18 Mei 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 20/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 20/2012
		Minggu 20 (12 Mei – 18 Mei 2013)	Minggu 19 (5 Mei – 11 Mei 2013)		
1	Perlis	1	4	55	77
2	Kedah	17	14	290 (1)	329 (1)
3	P. Pinang	10	11	256	353 (1)
4	Perak	33	28	764	645 (1)
5	Selangor	210 (1)	178	3,970 (2)	4,347 (10)
6	WPKL & Putrajaya	58	50	787 (4)	1,001 (3)
7	N. Sembilan	12	16	213	176 (1)
8	Melaka	8	7	176	264
9	Johor	87	83 (1)	1,046 (7)	668 (1)
10	Pahang	10	5	208	291 (1)
11	Terengganu	11	7	92	339
12	Kelantan	17	15	518	507
13	Sarawak	16	24	666 (2)	415
14	Sabah	13	9	288 (1)	188 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	7
	Jumlah	503 (1)	463 (1)	9,329 (17)	9,607 (20)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.